

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,  
20200 KUALA TERENGGANU.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 6/1992.

Rujukan Kepada Mahkamah Di Bawah Seksyen 38(5)  
Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.

Semasa mengemukakan rayuan di atas kes-kes pengambilan balik tanah menurut di bawah seksyen 38(5) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 kepada Mahkamah Tinggi perkara-perkara/dokumen-dokumen yang perlu dikembalikan ialah:-

1. Borang D
2. Pelan Tapak Lot
3. Borang E
4. Borang F
5. Borang G
6. Borang H
7. Borang K
8. Salinan Kenyataan Perbicaraan
9. Kenyataan Alasan Perbicaraan
10. Borang N
11. Borang O
12. Salinan Warta Kerajaan (notis di bawah seksyen 4/seksyen 8).

2. Dokumen-dokumen lain seperti salinan kertas M.M.K.N. mengenainya serta Laporan Penilaian yang disediakan oleh Jabatan Penilaian tidak boleh dijadikan sebahagian bahan rujukan kepada Mahkamah. Saliann Laporan Penilaian cuma boleh dihantar kepada YB. Penasihat Undang-Undang siapa yang membela kes berkenaan di Mahkamah.

3. Sayugia diingatkan tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah mengemukakan ke Mahkamah kes rayuan seberapa segera yang boleh tetapi tidak melebihi 3 bulan daripada tarikh penerimaan Borang N lengkap dengan Borang-Borang dan Dokumen-Dokumen berkaitan dengannya. Jika terdapat kecuaiian oleh mana-mana kakitangan dalam melaksanakan maksud Pekeliling ini hendaklah diambil tindakan sewajarnya.

4. Arahan ini hendaklah dipatuhi dan diikuti sepenuhnya.

Sekian.

Dihantar pada **12 SEP 1992** .....

Tandatangan *M.* .....  
Kerani Kaunter/Despatch  
Pejabat Pengarah Tanah  
& Galian Trg.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA".

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Y.B. Penasihat Udnang-Undang Negeri, Terengganu.
3. Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri,  
Terengganu.

Fail : PTG.TR. G/05/1988/06/02-(28)  
Tarikh : 12 September 1992  
Bersamaan : 15 R'awal 1413.

DNMK/amy  
pbt.ara/dis 2